

Laporan Kaji Selidik Tak Nak Plastik Sekali Guna: Pengendali Perniagaan



Analisa dan Dapatan Kajian

Satu kaji selidik Tak Nak Plastik Sekali Guna telah dijalankan bermula dari 1 Ogos hingga 15 September 2018 melibatkan seramai 231 orang responden. Kaji selidik ini dilaksanakan dengan penggunaan kaedah persampelan mudah melalui platform dalam talian dan kaji selidik di tapak.

Objektif kaji selidik adalah :

1. Untuk memperoleh pemahaman orang awam tentang penggunaan barangan plastik sekali guna di premis makanan di Pulau Pinang.
2. Untuk membekalkan pemahaman kepada penggubal dasar tentang pandangan orang awam sebelum pembentukan dasar negeri berkenaan larangan penggunaan barangan plastik sekali guna di Pulau Pinang.

Bagi mencapai objektif di atas, analisis potensi telah dijalankan dan keputusan yang diperolehi diterangkan seperti berikut.


Latar Belakang Perniagaan Responden



Gambar Rajah 1 : Latar belakang perniagaan responden.

Berdasarkan kaji selidik yang telah dibuat ke atas semua pengendali perniagaan, 51.5% responden merupakan pemilik restoran, diikuti dengan 22.1% pemilik perniagaan di kedai makanan atau medan selera. Selain itu, pengendali perniagaan di kafe dan hotel masing-masing dengan jumlah 15.6% dan 6.5%.

S4: Apakah jenis barangan plastik sekali guna yang anda berikan kepada pelanggan anda pada ketika ini?



Gambar Rajah 2 : Jenis barangan plastik sekali guna yang diberikan kepada pelanggan anda pada ketika ini


Hasil kaji selidik juga mendedahkan bahawa beg plastik (85.7%) dan penyedut minuman (78.4%) merupakan barangan plastik sekali guna yang paling banyak diberikan oleh pengendali perniagaan dalam kajian ini. Tidak lebih daripada 50% responden memberikan barangan plastik sekali guna yang lain, khususnya peralatan makan plastik (43.7%), cawan plastik (40.3%), botol air plastik (28.6%) dan mangkuk serta pinggan plastik (26.8%). Sebaliknya, responden dgn peratusan yang sangat rendah (4.8%) menyatakan bahawa mereka tidak memberikan barangan plastik sekali guna kepada pelanggan mereka.

Berkenaan dengan beg plastik, kajian ini telah mendapati bahawa pemilik hotel 88% kurang memberikan barangan plastik jenis ini kepada pelanggan mereka dibandingkan dengan

pemilik perniagaan jenis lain. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan golongan yang menjalankan perniagaan restoran 73% kurang memberikan botol air plastik kepada pelanggan mereka berbanding dengan pemilik perniagaan hotel. Golongan yang mempunyai perniagaan kafe juga merekodkan 84% kurang memberikan botol air plastik kepada pelanggan berbanding pemilik perniagaan hotel. Berkenaan cawan plastik, kajian ini telah mendapati bahawa golongan yang menjalankan perniagaan kafe adalah 84% lebih banyak memberikan barangan ini kepada pelanggan berbanding dengan lain-lain jenis perniagaan.

Bagi jenis barangan plastik sekali guna yang lain termasuk peralatan makan, penyedut minuman, pinggan dan mangkuk, kajian mendedahkan bahawa tidak ada hubungan yang ketara di antara jenis perniagaan dengan amalan untuk memberikan barangan plastik ini kepada para pelanggan.

S5: Apabila anda menggunakan barangan plastik sekali guna, kebiasaannya kerana:



Gambar Rajah 3 : Sebab untuk menggunakan barangan plastik sekali guna

	Frequency	Percent
Barangan plastik yang digunakan adalah lebih bersih	25.1	74.9
Barangan plastik adalah lebih murah	33.8	66.2
Penggunaan barang plastik boleh dilupuskan dan tidak perlu dicuci	36.4	63.6
Barangan plastik sekali mudah diperolehi	39.0	61.0
Saya tidak menyediakan barangan plastik sekali guna	6.1	93.9
Lain-lain	25.1	74.9

*Peratusan adalah berdasarkan jumlah responden. 1,948

Kebanyakan responden menggunakan barangan plastik sekali guna kerana barang-barang ini boleh dibeli dengan mudah (39%). 36.4% yang lain menyatakan bahawa mereka memilih untuk menggunakan barangan plastik sekali guna kerana ia boleh dibuang dan tidak perlu dicuci, sementara 33.8% lagi bersetuju bahawa barangan plastik sekali guna adalah murah. 25% daripada responden menyatakan bahawa faktor kebersihan merupakan sebab mereka menggunakan barangan plastik sekali guna. Hanya 6.1% menyatakan bahawa mereka tidak menyediakan barangan ini kepada para pelanggan.


Sebab lain yang diberikan oleh 25.1% responden yang lain ialah harga yang murah, sesuai, mudah untuk digunakan dan juga untuk tujuan bungkusan bawa pulang.

Analisis statistik selanjutnya juga telah mendedahkan bahawa tiada hubungan yang ketara di antara jenis perniagaan dan kebersihan sebagai sebab untuk menyediakan barangan plastik sekali guna kepada pelanggan.

Selain itu, jenis perniagaan juga tidak mempengaruhi alasan responden bahawa penyediaan barangan plastik sekali guna kepada pelanggan adalah lebih murah.

Kajian ini juga menemui bahawa faktor mudah dibuang dan dibeli tiada hubungan yang ketara dengan perbezaan jenis perniagaan. Dalam konteks ini, alasan responden bahawa barangan ini mudah dibeli juga tidak mempunyai kaitan yang ketara dengan jenis perniagaan.

S6: Adakah anda menyokong larangan penggunaan plastik sekali guna (penyedut minuman, cawan, piring, penutup, garfu dan sudu, botol, mangkuk serta pengadun) di hotel, restoran, kafe dan kedai makan di Pulau Pinang?




Gambar Rajah 4 : Tahap sokongan bagi larangan barangan plastik sekali guna

	Kekerapan	Peratusan
Sangat tidak menyokong	5	2.2
Tidak menyokong	21	9.1
Neutral	67	29.0
Menyokong	86	37.2
Sangat Menyokong	52	22.5
Jumlah	231	100

Lebih daripada 50% responden menyatakan sokongan mereka terhadap larangan penggunaan barangan plastik sekali guna di kedai makan. Hanya 11.3% responden tidak bersetuju dengan tindakan ini, sementara baki 29% responden ragu-ragu dengan larangan ini.

Regresi logistik multinomial telah dilakukan untuk mengenal pasti kaitan di antara keputusan responden untuk menyokong atau menentang dasar larangan penggunaan barangan plastik sekali guna di kedai-kedai makan di dalam Pulau Pinang. Hasilnya mendedahkan bahawa golongan yang mengusahakan kafeteria adalah sembilan kali lebih cenderung untuk kekal neutral terhadap dasar ini daripada menentangnya.


S7 (i): Apakah yang anda akan lakukan untuk mengurangkan barangan plastik sekali guna di premis perniagaan anda? - Saya akan mengenakan caj kepada pelanggan untuk setiap barangan plastik sekali guna yang diminta dan memberikan diskaun sekiranya pelanggan menggunakan bekas/ penyedut/ botol minuman sendiri



Gambar Rajah 5 : Kaedah yang mungkin digunakan untuk mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna (mengenakan caj dan memberikan diskaun kepada pelanggan)

Antara kaedah yang boleh digunakan oleh pengusaha perniagaan untuk mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna ialah dengan mengenakan caj kepada pelanggan untuk setiap plastik sekali guna yang diminta dan juga memberikan diskaun kepada pelanggan yang menggunakan bekas, penyedut minuman dan botol mereka sendiri. Keputusan dalam Gambar Rajah 5 menunjukkan bahawa 54.1% responden bersetuju bahawa mereka akan mengenakan caj kepada pelanggan yang menggunakan barangan plastik sekali guna dan memberikan diskaun kepada setiap barangan plastik persendirian yang dibawa oleh pelanggan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, agak ramai responden (45.9%) yang enggan menggunakan kaedah ini.


S7 (ii): Apakah yang anda akan lakukan untuk mengurangkan barangan plastik sekali guna di premis perniagaan anda? – Saya akan menyediakan kemudahan pengisian semula air minuman bagi mereka yang membawa botol air sendiri.



Gambar Rajah 6 : Kaedah yang mungkin digunakan untuk mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna (menyediakan kemudahan pengisian semula air minuman)

Kaedah lain yang boleh dilakukan oleh pemilik perniagaan makanan ialah menggalakkan pelanggan untuk membawa botol air sendiri dengan menyediakan kemudahan pengisian semula air minuman di premis perniagaan mereka. Gambar Rajah 6 menunjukkan bahawa hampir 60% responden mungkin akan menggunakan kaedah ini sementara 40.2% yang lain tidak setuju dengan kaedah ini.


S7 (iii): Apakah yang anda akan lakukan untuk mengurangkan barangan plastik sekali guna di premis perniagaan anda? – Saya akan menggantikan barangan plastik sekali guna dengan jenis yang boleh diguna semula. (Penyedut dan kutleri keluli tahan karat, pinggan mangkuk yang boleh diguna semula)



Gambar Rajah 7 : Kaedah yang mungkin digunakan untuk mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna (menggantikan dengan jenis yang boleh diguna semula)

Kaedah ketiga yang boleh digunakan oleh pengusaha perniagaan untuk mengurangkan penggunaan barang-barang plastik sekali guna ialah dengan menggantikannya dengan jenis yang boleh diguna semula, seperti penyedut minuman, kutleri dan pinggan mangkuk guna semula jenis keluli tahan karat. Walau bagaimanapun, kaji selidik ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden (lebih daripada 50%) tidak setuju dengan kaedah ini. Hanya 48% responden sahaja yang menyokong kaedah ini untuk mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna.


S7 (iv): Apakah yang anda akan lakukan untuk mengurangkan barangan plastik sekali guna di premis perniagaan anda? – Saya hanya akan memberikan barangan plastik sekali guna (penyedut/ pinggan mangkuk/ cawan/ kutleri) jikalau diminta oleh pelanggan sahaja.



Gambar Rajah 8 : Kaedah yang mungkin digunakan untuk mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna (disediakan atas permintaan)

Kaedah lain yang boleh dilakukan oleh pengusaha perniagaan ialah dengan menyediakan barangan plastik sekali guna seperti kutleri plastik, penyedut minuman, bekas, pinggan dan mangkuk hanya jikalau diminta oleh pelanggan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada responden (77%) bersetuju untuk menyediakan barangan plastik sekali guna hanya apabila diminta oleh pelanggan. Hanya 22.9% tidak bersetuju dengan kaedah ini.

S8: Berapakah kekerapan pelanggan anda menolak penggunaan barangan plastik sekali guna?




Gambar Rajah 9 : Kekerapan pelanggan menolak untuk menggunakan barangan plastik sekali guna

	Kekerapan	Peratus
Tidak pernah	162	70.1
1-2 kali seminggu	35	15.2
3-4 kali seminggu	12	5.2
4-5 kali seminggu	2	0.9
6-7 kali seminggu	12	5.2
Kami tidak menyediakan barangan plastik sekali guna	8	3.5
Jumlah	231	100.0

Majoriti responden (70.1%) menyatakan bahawa para pelanggan tidak pernah menolak atau meminta apabila mereka menggunakan barangan plastik sekali guna. Sebahagian responden (15.2%) bersetuju bahawa terdapat pelanggan yang enggan untuk menggunakan barangan plastik sekali guna dalam sekali atau dua kali seminggu. Sementara itu, yang selebihnya (5.2%) masing-masing bersetuju bahawa ia lebih kerap daripada itu iaitu dari tiga ke empat kali seminggu hingga ke hampir setiap hari. Namun, hanya beberapa responden (3.5%) mengatakan bahawa mereka langsung tidak menyediakan barangan plastik sekali guna.

S9: Adakah anda bersetuju dengan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, jumlah sisa ke tapak pelupusan dpt dikurangkan sekaligus menjadikan pulau pinang sebuah negeri yg bersih dan hijau?



Gambar Rajah 10 : Peratusan persetujuan bahawa mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna boleh membantu untuk mengurangkan jumlah sisa ke tapak pelupusan sampah dan menjadikan negeri lebih bersih dan hijau

Hampir semua responden (97.9%) sepenuhnya bersetuju bahawa dengan mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna, jumlah sisa ke tapak pelupusan sampah boleh dikurangkan dan menjadikan Pulau Pinang lebih hijau dan bersih pada masa hadapan. Hanya beberapa peratus sahaja (2.1%) yang tidak menyokong kenyataan ini.

Ringkasan

Seperti yang telah diperhatikan daripada kajian ini, kebanyakan latar belakang pengendali perniagaan yang dikaji selidik merupakan restoran (51.5%) manakala kumpulan yang terkecil adalah dari kategori perniagaan lain seperti kedai roti. Hasil kaji selidik ini juga telah menunjukkan bahawa beg plastik dan penyedut minuman merupakan dua jenis barangan plastik sekali guna yang paling banyak diberikan oleh responden kepada pelanggan mereka.

Antara sebab utama yang diberikan oleh majoriti responden untuk menggunakan barangan plastik sekali guna adalah faktor harga yang lebih murah, mudah dibuang dan juga mudah untuk kerja-kerja pembersihan dan pembelian. Walau bagaimanapun, kebanyakan responden menyatakan sokongan mereka terhadap larangan penggunaan barangan plastik sekali guna, sementara hanya beberapa daripada mereka yang menentang kuat tindakan itu.

Dari segi kaedah untuk mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna dengan mengenakan caj kepada pelanggan dan memberikan diskaun bagi mereka yang menggunakan peralatan makan sendiri, keputusan daripada kaji selidik ini telah mendedahkan bahawa majoriti daripada responden mungkin akan menggunakan kaedah ini. Selain itu, kebanyakan daripada mereka bersetuju bahawa mereka boleh mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna dengan menyediakan kemudahan isian air kepada pelanggan yang membawa botol air mereka sendiri.

Menariknya, peratusan responden yang lebih tinggi menunjukkan bahawa mereka boleh mengurangkan penggunaan barangan plastik sekali guna dengan menyediakan barangan tersebut di atas permintaan pelanggan.

Berkenaan kekerapan keengganan pelanggan untuk menggunakan barangan plastik sekali guna, majoriti responden berkongsi bahawa pelanggan mereka tidak pernah menolak atau meminta untuk menyediakan barang-barang itu. Namun, agak ramai daripada pengendali perniagaan juga bersetuju bahawa ia mungkin lebih kerap daripada itu, dari sekali seminggu hingga ke hampir setiap hari pelanggan mereka menolak untuk menggunakan barangan plastik sekali guna. Sebilangan kecil responden menyatakan bahawa mereka langsung tidak menyediakan barangan plastik sekali guna.

Berkenaan faedah, hampir semua responden menyokong fakta bahawa meminimumkan penggunaan barangan plastik sekali guna boleh mengurangkan jumlah sisa buangan ke tapak pelupusan dan akhirnya menyumbang ke arah menjadikan negeri ini lebih hijau dan bersih. Sebilangan kecil daripada mereka didapati menentang aspek ini.

Melihat dari perbezaan jenis perniagaan, analisis regresi logistik multinomial mendedahkan bahawa kebanyakan pengendali perniagaan hotel kurang menyediakan beg plastik kepada pelanggan mereka dibandingkan dengan jenis perniagaan yang lain.

Selain itu, majoriti peniaga restoran kurang menyediakan botol air plastik kepada pelanggan mereka berbanding mereka yang menjalankan perniagaan hotel. Begitu juga, kebanyakan pengendali perniagaan kafe kurang menyediakan botol air plastik kepada pelanggan mereka berbanding mereka yang menjalankan perniagaan hotel. Walau bagaimanapun, pengendali perniagaan kafe lebih cenderung untuk menggunakan cawan plastik daripada golongan yang menjalankan perniagaan makanan yang lain.

Walaupun bagaimanapun, tiada hubungan yang ketara di antara jenis perniagaan dan amalan responden untuk menyediakan lain-lain barangan plastik sekali guna seperti kutleri plastik, penyedut minuman, pinggan dan mangkuk.

Berkenaan dengan sebab penggunaan plastik sekali guna, hasil kaji selidik mendedahkan bahawa perbezaan jenis perniagaan tidak memberi kesan yang ketara kepada faktor kebersihan sebagai alasan responden untuk menggunakan barangan tersebut. Begitu juga, perbezaan jenis perniagaan tidak menjejaskan keputusan responden untuk menggunakan barangan plastik sekali guna kerana faktor harga yang rendah.

Selain itu, tidak ada hubungan yang ketara diperhatikan dalam kajian ini di antara perbezaan jenis perniagaan dan alasan responden untuk menyediakan barangan plastik sekali guna kerana faktor mudah dibuang dan dibeli. Sebagai kesimpulan, keputusan responden untuk menggunakan barangan plastik sekali guna dalam perniagaan makanan mereka boleh berubah mengikut beberapa faktor tanpa mengira jenis perniagaan mereka.